

# Majlis AMANAT KHAS TAHUN BAHARU 2021

DAN PERHIMPUNAN  
PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN



05

3 Teras Dasar  
MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

07

SAYYIDUL ISTIGHFAR  
(Penghulu Segala Istighfar)

14

SAHUR &  
IFTAR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Bulan Ramadhan yang diturunkan padanya al-Quran sebagai hidayah (petunjuk) kepada manusia dan keterangan-keterangan tentang petunjuk dan pemisah antara yang hak dan yang batil." (al-Baqarah: 185)*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam atas junjungan yang mulia, Nabi Muhammad SAW; seluruh ahli keluarga dan para sahabat Baginda.

Pertama sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan hidayahNya, dapat lagi kita bersua pada tahun 2021M dan tahniah diucapkan kepada warga IPTG khususnya sidang redaksi kerana dapat menerbitkan Buletin IPTG Bil.1/2021 dengan jayanya.

Saya berharap dengan penerbitan buletin pada kali ini dapat menjadi rujukan kepada masyarakat khususnya rakyat Kelantan selaras dengan dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam dengan misi menuju Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan. Bukan itu sahaja, buletin ini juga menjadi wadah dalam memaparkan aktiviti IPTG.

Di kesempatan ini, saya mengambil peluang untuk merakamkan penghargaan kepada seluruh warga kerja IPTG atas komitmen dan keazaman serta kerjasama dalam melaksanakan segala tugas yang ditaklifkan sepanjang tahun 2020.

Bersempena dengan bulan Ramadhan ini, marilah sama-sama kita panjatkan doa kepada Allah SWT agar amalan kita diterima dan menjadi orang yang bertakwa. Di samping itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin kepada semua pembaca dan seluruh umat Islam khususnya rakyat negeri Kelantan.

Semoga Allah SWT memberkati dan menerima setiap amalan kita dan memasukkan kita dalam golongan orang yang berjaya.

Sekian, Wassalam.

**Raja Berdaulat, Rakyat Muafakat,Negeri Berkat  
‘Merakyat Membangun Bersama Islam –  
Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan’**



**YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan  
Dato' Haji Ahmad bin Yakob**  
Menteri Besar Negeri Kelantan




السلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Firman Allah SWT:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang sebelum kamu agar kamu bertakwa.” (al-Baqarah: 183)*

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat limpah kurnia dan rahmatNya, maka Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) telah berjaya menerbitkan buletin pertama edisi 2021, Buletin IPTG Bil.01/21.

Ucapan syabas dan setinggi penghargaan saya ucapkan kepada seluruh pasukan redaksi IPTG kerana bertungkus-lumus bagi menerbitkan buletin edisi kali ini. Sisipan buletin ini menyaksikan coretan aktiviti-aktiviti IPTG sepanjang bulan Januari hingga Mac 2020. Bukan itu sahaja, kami juga sisipkan perkongsian ilmu buat bacaan para pembaca khususnya masyarakat Kelantan.



Walaupun negara kita masih belum pulih sepenuhnya daripada pandemik Covid-19, IPTG telah berjaya melaksanakan program-program ilmiah seperti Pagj@IPTG 2.0 dan IPTG Podcast bertujuan untuk menyebarluas ilmu agama kepada orang ramai. Malahan, IPTG juga menjalankan program latihan bersama Majlis Daerah Bachok Bandar pelancongan Islam sejarah dengan hasrat kerajaan Membangun Bersama Islam dan Merakyatkannya.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan Ramadhan Kareem dan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam. Marilah kita menyambut bulan Ramadhan yang mulia ini dengan penuh keinsafan dan iktibar serta meningkatkan amal soleh untuk mencapai takwa kepada Allah.



**YBhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat  
Pengarah**

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia

Tinta Pengarah	02
Dari Meja Pengarah	03
Sidang Redaksi	04
Rencana : 3 TERAS DASAR Membangun Bersama Islam	05
Doa : SAYYIDUL ISTIGHFAR (Penghulu Segala Istighfar)	07
Berita & Aktiviti IPTG	08
Tazkirah : Bagaimana Menyambut Ramadhan?	10
Fokus : MAJLIS AMANAT KHAS TAHUN BAHARU	12
Tazkirah : SAHUR &IFTAR	14
Berita & Aktiviti IPTG	16
Kata -Kata TOK GURU	18
Sana-Sini IPTG	19

# SIDANG REDAKSI



## Penaung

YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan  
Dato' Haji Ahmad Bin Yakob

## Penasihat

YBhg Dato' Dr. Johari Bin Mat

## Penyelaras

Mohd Hafizi Bin Mahadi

## Ketua Pengarang

Nurliyana Binti Ahmed

## Sidang Pengarang

Norshafinaz Binti Nazaruddin  
Siti Nur Amirah Binti Fauzi

## Editor

Ahmad Fathi Bin Yusoff

## Jurufoto

Muhammad Khairul Naim Bin Jazli

## Reka Bentuk Grafik & Percetakan

Azkia Printing & Advertising  
PT361, Aras Bawah,  
Lembah Sireh (Belakang Tesco),  
15050 Kota Bharu, Kelantan

## Alamat Surat Menyurat:

Institut Pemikiran Tok Guru  
Dato' Bentara Setia  
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan  
Negeri Kelantan, Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.



# 3 TERAS DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

## Bahagian 1

**'Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan (UMI)** merupakan tunjang kepada Dasar Membangun Bersama Islam (MBI). UMI juga dijadikan nilai TERAS Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan bermula pada tahun 2008.

'Ubudiyyah merujuk kepada kedudukan manusia sebagai hamba Allah yang diciptakan semata-mata untuk beribadat (mengabdikan diri) kepada-Nya. Manakala ibadah adalah semua aktiviti setiap Muslim yang diperintahkan oleh Allah SWT dan RasulNya sama ada melakukan suruhanNya atau menjauhi laranganNya dan amalan tersebut disukai dan direhsti oleh Allah dan Rasul.

Menurut al-Qaradhawi, ibadah dalam Islam merupakan semua amalan kehidupan yang disukai dan direhsti Allah SWT sama ada perkataan, amalan dan iktikad, seperti solat, zakat, puasa, haji, berkata benar, menunaikan amanah, berbakti kepada ibubapa, menepati janji, amar makruf nahi mungkar, berjihad menentang golongan kuffar, berbuat baik kepada jiran tetangga, mengasihi anak yatim dan orang miskin, berbuat baik kepada manusia dan binatang, berdoa, berzikir, membaca al-Quran dan sebagainya. (Al-Qaradhawi, 1995)

Ubudiyyah terbahagi kepada dua bahagian iaitu 'ubudiyyah khassah (ibadah khusus) dan 'ubudiyyah ammah (ibadah umum). Contoh ibadah khusus seperti mengucap dua kalimah syahadah, solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya. Manakala, ibadah umum ialah bekerja, beriadah dan semua perkara selain daripada ibadah khusus.



Ibadah juga terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

1. Ibadah hati/iktikad: khusyuk dalam beribadah, sentiasa bersangka baik dengan Allah.
2. Ibadah lisan: berzikir, bercakap benar.
3. Ibadah harta: bersedekah, zakat dan apa-apa amalan untuk membantu seseapa yang berkaitan dengan wang.
4. Ibadah perbuatan/fizikal: menunaikan solat, haji dan lain-lain.

Disamping itu, aktiviti harian seseorang itu akan menjadi ibadah dengan syarat-syarat berikut:

1. Niat kerana Allah SWT.
2. Amalan mengikut syariat Islam.
3. Melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya.
4. Sentiasa memelihara syariat Allah SWT dan tidak melakukan kezaliman, khianat, menipu dan sebagainya.
5. Tidak mengabaikan ibadah-ibadah khusus yang diwajibkan.

Antara nilai tatakelakuan 'ubudiyah ialah:

1. Ikhlas dan niat suci.
2. Bekerja adalah pengabdian kepada Allah SWT.
3. Pengawasan Allah SWT.
4. Balasan dan ganjaran di dunia dan akhirat.
5. Mencapai keredhaan Allah SWT.
6. Bersyukur.

Oleh itu, kita mestilah ikhlas dalam melakukan semua perkara untuk mendapat keredhaanNya serta sentiasa berhati mulia dalam melaksanakan tugas tanpa mengharapkan balasan manusia dan menghakis sebarang unsur kepentingan diri. ■

Bersambung..

# SAYYIDUL ISTIGHFAR

## (Penghulu Segala Istighfar)

Oleh : Dato' Dr. Johari Bin Mat

اللّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى  
عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ  
بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ

Maksudnya: "Ya Allah, Engkau adalah Rabbku, tidak ada llah yang berhak disembah dengan benar melainkan Engkau. Engkau yang menciptakan aku dan aku adalah hambaMu. Aku di atas perjanjianMu dan janjiMu sesuai dengan kemampuanku. Aku berlindung kepadaMu dari keburukan perbuatanku, aku mengakui nikmatMu kepadaku dan aku mengakui dosaku kepadaMu, maka ampunilah aku. Ini kerana, tiada tempat yang mengampuni dosa melainkan Engkau". (HR Bukhari)

Manusia tidak pernah terlepas daripada salah silap dan dosa di dalam kehidupan, maka kita perlulah banyak beristighfar kepada Allah SWT iaitu memohon ampun kepadaNya di atas segala dosa dan kesilapan yang telah kita lakukan. Diceritakan di dalam sebuah hadis bahawa Nabi Muhammad SAW yang bersifat maksum juga beristighfar lebih daripada 70 kali sehari sebagaimana yang diriwayatkan di dalam hadis Sahih Imam al-Bukhari:

Maksudnya: "Demi Allah, sesungguhnya aku beristighfar kepada Allah dan memohon ampun kepadaNya setiap hari lebih daripada 70 kali". (HR Bukhari)

Nabi Muhammad SAW bersabda mengenai kelebihan bagi sesiapa yang beramal dengan Sayyidul Istighfar yang bermaksud:

"Barangsiapa yang mengucapkannya (Sayyidul Istighfar) di waktu siang hari serta yakin dengannya, lalu dia meninggal pada hari itu sebelum waktu petang, maka dia termasuk dalam kalangan penghuni syurga. Dan barangsiapa yang mengucapkannya di waktu malam dengan penuh keyakinan lalu dia meninggal sebelum masuk waktu pagi, maka dia termasuk dalam kalangan penghuni syurga". (HR Bukhari)

Kesimpulannya, kita perlu memohon keampunan daripada Allah SWT sebanyak-banyaknya sebagai bekalan bertemu Allah SWT kelak. Semoga Allah SWT menjadikan kita dalam kalangan hambaNya yang sentiasa melazimi istighfar serta menggolongkan kita dalam kalangan penghuni syurga. Ameen. ■

22 Jamadil Awal 1442H  
06 JANUARI 2021

## CERAMAH PENGURUSAN IHTIRAFI

Institut Pemikiran Tok Guru Bentara Setia (IPTG) telah mengadakan satu program Taklimat Pengurusan Ihtirafi kepada pegawai-pegawai Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam dan Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok pada 22 Jamadil Awal 1442H / 6 Januari 2021 (Rabu), bertempat di Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok. Taklimat ini disertai seramai 30 orang peserta dan disampaikan oleh Ybhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat (Pengarah IPTG). ■



02 Rejab 1442H  
14 FEBRUARI 2021

## DIALOG STRATEGIK PEMBINAAN TAMADUN KELANTAN

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG) dengan kerjasama Pusat Kajian Strategik (PKS) dan Urus Setia Belia, Sukan dan NGO (U-BeS) telah berjaya menganjurkan satu program atas talian secara langsung bertajuk Dialog Strategik Pembinaan Tamadun kelantan - Anak Muda Bermaruah menerusi Aplikasi Zoom. Program ini telah berjaya diadakan pada 02 Rejab 1442H / 14 Februari 2021 bertempat di Mini Studio IPTG. Seramai 200 orang peserta telah menyertai program ini merangkumi Jabatan Amal, Ameerah dan Urusan Generasi Melanial. Pengisian program tersebut melibatkan Pengarah IPTG selaku Pengucap Utama program manakala Pengarah PKS adalah selaku Moderator dan Pengarah U-BeS adalah sebagai Pembentang Utama. ■



## IPTG PODCAST

IPTG mengambil inisiatif dengan menganjurkan satu program baru yang di jenamakan "IPTG Podcast" bertujuan untuk menyebarluaskan hari-hari dan peristiwa-peristiwa penting dalam bulan Islam kepada masyarakat. Program ini berkonsepkan bicara santai menampilkan seorang moderator dan seorang panel. Program ini bersiaran menerusi laman sosial facebook "Institut Pemikiran Tok Guru". Antara slot yang telah disiarkan ialah:

### **ISRAK MIKRAJ SIRI 1: SIAPA ALLAH?**

9 REJAB 1442H / 21 FEBRUARI 2021 (AHAD), 10.00 PAGI

#### **PENAMPILAN ISTIMEWA:**

YBHG DATO' DR. JOHARI MAT

& YBRS USTAZ MUHAMAD MUSTAFA

### **ISRAK MIKRAJ SIRI 2: SIAPA NABI?**

11 REJAB 1442H / 23 FEBRUARI 2021 (SELASA), 10.00 PAGI

#### **PENAMPILAN ISTIMEWA:**

YBHG DATO' DR. JOHARI MAT

& YBRS USTAZ MUHAMAD MUSTAFA

### **ISRAK MIKRAJ SIRI 3: DAKWAH SULIT NABI?**

16 REJAB 1442H / 28 FEBRUARI 2021 (AHAD), 10.30 PAGI

#### **PENAMPILAN ISTIMEWA:**

YBHG DATO' DR. JOHARI MAT

& YBRS USTAZ MUHAMAD MUSTAFA

### **ISRAK MIKRAJ SIRI 4: DAKWAH SECARA TERANGAN NABI?**

20 REJAB 1442H / 04 MAC 2021 (KHAMIS), 10.30 PAGI

#### **PENAMPILAN ISTIMEWA:**

YBHG DATO' DR. JOHARI MAT

& YBRS USTAZ MUHAMAD MUSTAFA

### **ISRAK MIKRAJ SIRI 5: NABI MULA DI ISRAK?**

23 REJAB 1442H / 07 MAC 2021 (AHAD), 10.00 PAGI

#### **PENAMPILAN ISTIMEWA:**

YBHG DATO' DR. JOHARI MAT

& YBRS USTAZ MUHAMAD MUSTAFA

### **ISRAK MIKRAJ SIRI 6: MIKRAJ?**

27 REJAB 1442H / 11 MAC 2021 (AHAD), 10.30 PAGI

#### **PENAMPILAN ISTIMEWA:**

YBHG DATO' DR. JOHARI MAT

& YBHG DATO' DR. ABDUL BASIT ABD RAHMAN

### **ISRAK MIKRAJ SIRI 7: PASCA ISRAK MIKRAJ?**

30 REJAB 1442H / 14 MAC 2021 (AHAD), 10.30 PAGI

#### **PENAMPILAN ISTIMEWA:**

YBHG DATO' DR. JOHARI MAT

& YBRS USTAZ MUHAMAD MUSTAFA

### **ISRAK MIKRAJ SIRI 7: SOLAT**

14 SYAABAN 1442H / 28 MAC 2021 (AHAD), 10.30 PAGI

#### **PENAMPILAN ISTIMEWA:**

YBHG DATO' DR. JOHARI MAT

& YBRS USTAZ MUHAMAD MUSTAFA

## BAGAIMANA MENYAMBUT RAMADHAN?

- 
- AMALAN SEBELUM  
BULAN RAMADHAN
- 01 Melakukan taubat nasuha
  - 02 Berbaik dengan semua orang dan melupakan semua persengketaan dan dendam
  - 03 Memohon kemaafan daripada kedua ibu bapa
  - 04 Mempelajari ilmu-ilmu berkaitan puasa
  - 05 Memperbanyak amal soleh pada bulan Rejab dan Syaaban
  - 06 Berazam bersungguh-sungguh untuk memakmurkan Ramadhan dengan pelbagai amal soleh
  - 07 Membaca al-Quran
  - 08 Menjaga solat berjemaah
  - 09 Memperbanyak amalan sunat (nawafil)

## AMALAN PADA BULAN RAMADHAN

- 01** Menggerjakan umrah pada bulan Ramadhan atau digalakkan bagi mereka yang mampu. 
- 02** Solat Tarawih 
- 03** Menyediakan makanan iftar (berbuka puasa) bagi orang berpuasa 
- 04** Banyakkan bersedekah 
- 05** Berikhtikaf pada 10 malam terakhir Ramadhan 
- 06** Menjaga lidah kita daripada bercakap perkara-perkara tidak baik yang boleh merosakkan puasa 
- 07** Jangan melakukan perkara sia-sia yang boleh mengurangkan pahala puasa 
- 08** Melakukan apa-apa amalan baik yang boleh menyempurnakan pahala puasa 

## Antara amalan Rasulullah SAW pada 10 akhir Ramadhan

Menunaikan Umrah

Menghidupkan malam dengan solat, membaca al-Quran, istighfar dan lain-lain

Iktikaf

Mengejutkan keluarga untuk turut sama menghidupkan malam

Mandi antara Maghrib dan Isyak serta memakai bau-bauan (seperti hari Jumaat dan hari Raya)

Melewatkam makan malam ke waktu sahur

**BAGAIMANA  
MENYAMBUT  
RAMADHAN?**



### AMANAT TAHUN BAHARU 2021

Pada 21 Jamadil Awal 1442H bersamaan 05 Januari 2021 telah berlangsungnya Amanat Tahun Baharu 2021 yang disampaikan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Hj Ahmad Bin Yakob. Majlis ini telah diadakan di Dewan Jamuan Utama, Kompleks Kota Darulnaim dan dihadiri oleh penjawat awam negeri Kelantan.

Beliau merakamkan penghargaan kepada seluruh pasukan barisan hadapan dan anggota perkhidmatan awam negeri Kelantan atas pengorbanan yang tinggi dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan semua pihak. Tidak lupa juga kepada wakil rakyat, pihak berkuasa tempatan, para penghulu serta pimpinan dipelbagai peringkat setiap DUN dan petugas media yang bekerja tanpa mengira masa dan waktu bagi memastikan bantuan kepada rakyat dapat disampaikan sebaik mungkin adalah sangat dihargai.

Amanat Tahun Baharu kali ini bertemakan **“Kebersamaan Demi Rakyat”**. Ini kerana penglibatan jentera kerajaan sebagai tulang belakang dalam mendukung dasar dan program Kerajaan Negeri selama ini sehingga Kerajaan Negeri terus berjaya mengekalkan prestasi yang cemerlang khususnya prestasi kewangan negeri.

YAB Menteri Besar menyatakan empat teras utama dalam menjalankan kebersamaan yang utuh dalam gerak kerja untuk memastikan segala agenda pentadbiran dan pembangunan negeri dapat dicapai demi kesejahteraan rakyat ialah:

Pertama : Pelaksanaan Pelan Strategik  
Menangani Gejala Sosial.

Kedua : Pengembangan Ekonomi  
Rakyat & Pembangunan  
Infrastruktur Negeri.

Ketiga : Pengukuhan Sumber Asli

Keempat : Pemerkasaan Sistem  
Penyampaian Kerajaan



Malahan, beliau juga berharap agar dapat diteruskan tiga agenda utama pada penggal ini iaitu pembangunan insutri hiliran bagi menambah peluang pekerjaan kepada rakyat, agenda kebersihan, keceriaan dan kehijauan negeri dan program pembangunan insan dalam usaha menangani gejala sosial.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dengan sokongan jabatan lain termasuklah JAHEAIK, IPTG, YTK, dan ILPK dalam memastikan pelaksanaan dan penghayatan UMI melalui bengkel, seminar dan ceramah kepada semua kakitangan awam.

Di samping itu, beliau juga menyarankan kepada penjawat awam khususnya serta masyarakat untuk menunaikan solat berjemaah dengan membaca sepotong hadis:

*Maksudnya: “Sesiapa yang melaksanakan solat subuh maka dia berada dalam jaminan Allah”.*

Akhir sekali, beliau juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh penjawat awam negeri Kelantan di atas kejayaan cemerlang dalam pentadbiran dan pengurusan dalam menyokong dan melaksanakan dasar dan program Kerajaan dan juga kepada semua yang terus menjayakan dasar Membangun Bersama Islam dan Merakyatkannya sepanjang 3 dekad ini. ■



# Sahur & Iftar



Puasa ialah ibadah yang difardukan pada bulan Ramadhan dan sunat dilaksanakan pada bulan-bulan yang lain kecuali pada hari-hari yang haram. Amalan berpuasa bermula sejak zaman Nabi Adam AS sehingga kini. Nabi Adam berpuasa pada 10 Muharam sebagai rasa bersyukur bertemu dengan isterinya, Hawa di Arafah. Manakala Nabi Nuh AS berpuasa selama tiga hari setiap bulan sepanjang tahun, Nabi Daud AS pula berpuasa secara selang seli iaitu sehari berpuasa dan sehari tidak. Sebelum puasa pada bulan Ramadhan difardukan, Nabi Muhammad SAW sudah terbiasa dengan amalan puasa. Baginda berpuasa di hari Asyura' (10 Muharam) dan puasa tiga hari setiap bulan. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud:

*"Puasa yang amat dikasihi oleh Allah adalah puasa Nabi Daud yang berpuasa sehari dan berbuka sehari". (HR Tarmizi dan Nasa'ie)*

Bersahur merupakan satu ibadah sunat yang sangat digalakkan bagi mereka yang ingin melakukan ibadah puasa sama ada puasa wajib ataupun sunat. Waktu bagi seseorang untuk bersahur ialah sebelum fajar (subuh). Salah satu tujuan bersahur adalah untuk mendapat keberkatanNya. Daripada Anas Bin Malik RA, beliau berkata Nabi SAW telah bersabda:

*Maksudnya: "Bersahurlah kamu semua, sesungguhnya pada sahur itu terdapat keberkatan." (HR Bukhari)*

Rasulullah SAW menyuruh untuk bersahur walaupun dengan seteguk air sebagaimana hadis Nabi SAW yang bermaksud:

*"Semua sahur adalah berkat. Sebab itu, jangan kalian tinggalkan meskipun salah seorang daripada kalian hanya minum seteguk air. Sesungguhnya Allah dan kalangan malaikat-Nya memberikan selawat untuk orang-orang yang bersahur." (HR Ahmad)*

Amalan bersahur dianjurkan oleh Rasulullah SAW kepada umat Islam yang berpuasa. Hal ini kerana membezakan antara puasa umat Islam dengan puasa ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) sebagaimana sabda Nabi SAW:


*Mafhumnya: "Perbezaan antara bagi puasa kita (umat Islam) dan ahli kitab adalah dengan makan sahur". (HR Muslim)*

Selain itu, bersahur adalah sunnah dan digalakkan bagi orang yang berpuasa. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 187 yang bermaksud:

*"Dan makanlah dan minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) daripada benang hitam (kegelapan malam) iaitu waktu fajar."*



**“Dan makanlah dan minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) daripada benang hitam (kegelapan malam) iaitu waktu fajar.”**



Antara keberkatan bersahur ialah:

- Mengikut sunnah Baginda Rasulullah SAW.
- Mendapat ganjaran dan pahala.
- Penyebab kepada berzikir, berdoa, beristighfar pada waktu sahur (waktu mustajab doa).
- Penyebab memberi sedekah.
- Melatih seseorang untuk mendirikan solat sunat tahajud.
- Menahan diri dari melakukan perbuatan yang tidak baik kesan daripada menahan lapar.

Malahan, sahur yang afdal ialah melewatkhan sahur dan menghampiri waktu fajar sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Zaid bin Thabit RA, beliau berkata:

*Maksudnya: “Kami telah bersahur bersama Rasulullah SAW kemudian kami bangun untuk mendirikan solat, aku telah bertanya, berapa jarak antara keduanya? Maka Baginda SAW bersabda: 50 ayat.” (HR Muslim, al-Nasa’ie dan Ibn Majah)*

Maksud 50 ayat yang dinyatakan Rasulullah SAW di dalam hadis ini adalah kadar tempoh bacaan ayat al-Quran tersebut lebih kurang persamaannya dengan kadar waktu antara imsak iaitu waktu berhati-hati dengan waktu subuh.

Selain ibadah sahur, iftar atau berbuka puasa wajib dilaksanakan setelah berkumandangnya azan Maghrib yang menandakan tamatnya waktu berpuasa pada hari tersebut. Orang yang berpuasa disunatkan menyegerakan berbuka sebaik sahaja tiba waktunya. Berbuka puasa tidak semestinya dengan juadah yang banyak, cukuplah sekadar berbuka dengan buah tamar atau makanan manis serta air sebagaimana amalan Rasulullah SAW. Setelah itu, digalakkan untuk mengerjakan solat fardhu maghrib secara berjemaah di masjid. Terdapat hadis Nabi SAW yang menganjurkan untuk segera berbuka yang bermaksud:

*“Umatku sentiasa berada dalam kebaikan selama mereka segera berbuka, segeralah berbuka kerana orang Yahudi melewatkannya”. (HR Ibnu Majah)*

Kesimpulannya, umat Islam hendaklah merebut peluang mendapat ganjaran yang besar dengan melewatkhan sahur dan menyegerakan berbuka. Disamping itu, memperbanyak amalan sunat yang lain seperti bersedekah, menyediakan juadah berbuka, iktikaf dan sebagainya. Semoga puasa dan ibadah-ibadah lain diterima oleh Allah SWT serta dapat membentuk diri menjadi sebaik-baik hamba. ■

AHAD



KULIAH HADIS  
Kitab : Mastika Hadis

YBrs. Ustaz Abu Mursie

Eksekutif Pemasaran dan Komunikasi Korporat,  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)

ISNIN



Pen Merah Pen Biru  
Isteri Idaman

YBrs. Ustaz Mohd Suhaimi bin Mohamed

Ketua Penolong Pengarah  
(Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam)  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)

SELASA



Mari Tadabbur  
Jom tadabbur dan  
memahami Surah-Surah  
Pilihan

YBhg. Dato' Dr. Johari bin Mat

Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia  
(IPTG)

## KULIAH SECARA LANGSUNG Atas Talian (Pagi@IPTG)

Penyiaran slot Pagi@IPTG bagi tahun 2021 diteruskan bersiaran seperti biasa dengan memaparkan kuliah-kuliah agama merangkumi Kuliah Hadis, Tadabbur Al-Quran, Fiqh Kekeluargaan dan Kemasyarakatan. Kuliah ini bersiaran secara langsung di laman Facebook IPTG selama tiga hari seminggu. ■

RABU



Ustaz Zulqarnain bin Hassan  
Pengarah Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK)

KHAMIS



YBrs. Ustaz Saibon bin Ismail  
Pegawai Agama Jajahan Kuala Krai



19 Rejab 1442H  
3 MAC 2021

## BENGKEL PEMURNIAN BAHAN CERAMAH MBI-UMI


Jawatankuasa Pelaksanaan Kursus Membangun Bersama Islam Dalam Profesionalisme Penjawat Awam yang terdiri daripada Institut Pemikiran Tok Guru Bentara Setia (IPTG), Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK) dan Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK) dan JAHEAIK telah mengadakan Bengkel Pemurnian Bahan Ceramah Membangun Bersama Islam - 'Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan (MBI-UMI) pada 19 Rejab 1442H / 3 Mac 2021 di Dewan Seminar 1 MABNA, Kota Darulnaim.



## ISLAM JALAN KERAMAT

Jalan kebenaran yang membawa kita ke syurga hanyalah sebagaimana jalan yang diajarkan Allah SWT melalui al-Quran dan yang dianjurkan Nabi Muhammad SAW melalui as-Sunnah, Bukan jalan nasionalis, bukan jalan demokrasi, komunis atau lain-lain.

MUTIARA KATA  
Nik Abdul Aziz Nik Mat



## REDHA ALLAH

Dalam Islam kita diajar untuk menjadikan redha Allah SWT sebagai segala-galanya kerana kita akan mati dan menuju ke alam kubur, pada ketika itu kita akan meninggalkan segala yang kita punya termasuklah harta, anak-anak, juga isteri...

MUTIARA KATA  
Nik Abdul Aziz Nik Mat

25 Jamadil Akhir 1442H  
7 FEBRUARI 2021



IPTG telah menerima sumbangan kaset Tok Guru daripada Cikgu Yasmin B. Hashim @ Yassin (Guru SMKA Melor)

29 Jamadil Awal 1442H  
13 JANUARI 2021



Wakil daripada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) telah berkunjung ke IPTG.

11 Rejab 1442H  
23 FEBRUARI 2021



Wakil daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) telah mengadakan lawatan ke IPTG.

24 Rejab 1442H  
8 MAC 2021



IPTG telah menerima kunjungan daripada Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK).

# BANTU KAMI PELIHARA KHAZANAH ILMU TOK GURU



# Rayuan sumbangan

## **► KASET-KASET KULIAH, CD, GAMBAR, LAIN-LAIN YANG BERKAITAN DENGAN Almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat**

## Untuk Menyumbang Sila Hubungi

 09-747 0901  011-5639 9543 LIYANA